



SIARAN AKHBAR UNTUK SIARAN SEGERA

ANIH BERHAD NAIK TARAF HENTIAN SEBELAH LANCHANG (KEDUA-DUA ARAH)

Kuala Lumpur, 19 Julai – ANIH Berhad, pemegang konsesi bagi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), akan menjalankan kerja menaiktaraf di Hentian Sebelah Lanchang (kedua-dua arah) selama lima bulan, mulai 25 Julai 2016.

Kerja-kerja menaiktaraf itu yang bertujuan untuk memberi lebih keselesaan kepada pengguna pada masa hadapan antara lain membabitkan kerja pembinaan tandas baharu, pembinaan laluan pejalan kaki serta menambah baik landskap.

Sehubungan itu, fasiliti sedia ada seperti surau, tandas, gerai buah-buahan dan kemudahan parkir di kedua-dua hentian sebelah terbabit akan ditutup sepenuhnya kepada pengguna bagi membolehkan kerja-kerja menaiktaraf dijalankan.

Justeru, ANIH Berhad ingin menasihati pengguna untuk menggunakan alternatif lain bagi menikmati kemudahan yang disediakan iaitu di:-

1. Dari Kuantan - Hentian Sebelah Maran
 - R&R Temerloh
2. Dari Kuala Lumpur - R&R Temerloh

ANIH Berhad turut menggunakan medium komunikasi seperti Facebook Lebuhraya Pantai Timur dan laman Twitter @LPTTrafik bagi mengumumkan status dan keadaan terkini serta isu-isu lain di sepanjang jajaran lebuh raya di bawah kendaliannya. Pengguna dinasihatkan untuk mengikuti akaun laman sosial LPT untuk merancang perjalanan.

Mesej turut di paparkan menerusi papan tanda elektronik (VMS) di sepanjang lebuh raya bagi membolehkan pengguna membuat persediaan awal dengan berhenti di kawasan R&R atau hentian sebelah yang lain.

ANIH Berhad mengucapkan terima kasih atas perhatian dan kerjasama dari semua pengguna lebuh raya dan syarikat akan cuba untuk memberikan pengalaman Hentian Sebelah yang selesa dan terbaik untuk anda.

-Tamat-

Tentang ANIH Berhad

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), sepanjang 240km. Bermula dari Gombak di Lembah Klang hingga Jabor di Terengganu, LPT menyingkatkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar-bandar utama di sebelah Pantai Timur, terutamanya Kuantan. ANIH Berhad juga adalah pemegang konsesi Lebuhraya KL-Seremban. Operasi tol dan penyenggaraan rangkaian-rangkaian lebuh raya ANIH Berhad diurus oleh Kumpulan AlloyMtd.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

1. Fazlyaton Hussein, Ketua, Komunikasi Korporat
fazlyaton.hussein@alloymtd.com
2. Ahmad Farizal Abdul Hajat, Naib Presiden, Komunikasi Korporat
farizal.hajat@alloymtd.com
3. Sofia Roseli, Eksekutif, Komunikasi Korporat
sofia.roseli@alloymtd.com

Siaran Akhbar dikeluarkan bagi pihak ANIH Berhad oleh:

**Jabatan Komunikasi
AlloyMtd Group**

1, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel : 03-6195 1111 Fax : 03-6188 0101 Website : www.alloymtd.com